

Buletin JKA. Politeknik Merlimau, Melaka.

Sesi Jun 2017

>> Go Green

Jabatan Kejuruteraan Awam

POLITEKNIK
MALAYSIA
MERLIMAU


**SOARING
UPWARDS**
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION



Ketua Jabatan dan Ketua-Ketua Program Jabatan Kejuruteraan Awam, PMM



Sr. Mohamad Kelana bin Juwit
Ketua Jabatan kejuruteraan Awam



Mohd Khairolnizam bin Yunus
Ketua Program Kejuruteraan Awam



En. Faizal Adnan bin Omar
Ketua Program Seni Bina



Sr Firhan bin Salian
Ketua Program Geomatik





Kata Aluan

**Sr. Mohamad Kelana
bin Juwit**

Salam bahagia kepada warga JKA.

Seperti sedia maklum, bahawa Jabatan Kejuruteraan Awam sentiasa peka terhadap program-program yang dijalankan di jabatan ini dan berharap ianya sentiasa terus ada peningkatan bagi kelangsungan penyampaian ilmu kepada pelajar dan warga politeknik tanpa jemu.

Program-program di jabatan akan terus dipaparkan di Buletin JKA walaupun agak terhad. Namun begitu, ianya tetap akan memaparkan sebahagian aktiviti yang dijalankan serta terpilih khusus kepada warga Politeknik Merlimau.

Tahniah diucapkan kepada team penerbitan JKA dan selamat maju jaya kepada semua.

Ikhlas,
**Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam.
Politeknik Merlimau Melaka.**

POLITEKNIK
MALAYSIAN
MERLIMAU

**SOARING
UPWARDS**
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION

THE COURTYARD



Salam Sejahtera

Sekali lagi saya selaku ketua editor jabatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada warga JKA khususnya penyumbang berita semasa.

Sumbangan ini, sangat memberi manfaat kepada semua pembaca dan menjadi kebanggaan kepada pelajar terhadap jabatan berdasarkan isu semasa. Oleh demikian, disesi akan datang saya berharap dapat memaparkan laporan berita tuan/puan yang terbaik dan kami dipihak team editor akan cuba memberikan yang terbaik kepada warga JKA.

Ketua Editor

Shamsul Johari b. Shaari
Pensyarah Seni Bina, JKA, PMM
Sesi Jun 2017

Team Editor

En. Amran bin Atan

Noraini binti Bakar

Isi Kandungan

**Kata Aluan Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam.
kata Aluan Ketua Editor
Carta Organisasi Jabatan**

Berita:

- a. **International Intellectual Exposition (Iiex) 2017, Kuala Lumpur**
- b. **Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (Kik) Horizon Baharu Politeknik Malaysia Peringkat Kebangsaan Tahun 2017**
- c. **Polytechnic Design Fest 2017 “Jiwa”**
- d. **PAM Annual Student Exhibitions Workshop 2017**
- e. **Projek My Beautiful New Home**
- f. **Pertandingan Kemahiran Politeknik, Polyskills 2017**
- g. **Pertandingan Fotografi TN50 Anjuran Universiti Multimedia, Cyberjaya**
- h. **Galeri Buletin Sesi Jun 2017**

'INTERNATIONAL INTELLECTUAL EXPOSITION (IIEX) 2017', KUALA LUMPUR

Sr Noor Suhaiza Binti Sauti

Pada 29 April 2017, Unit Geomatik Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA), Politeknik Merlimau telah menghantar dua kumpulan untuk bertanding dalam International Intellectual Exposition (IIEX) 2017 bertempat di Ancasa Hotel & Spa, Kuala Lumpur. Kumpulan yang telah bertanding terdiri daripada Sr. Noor Suhaiza Binti Sauti dengan projek bertajuk 'Kit Comp' manakala kumpulan Pn Noor Asmida Binti Abu Bakar dan Sr. Aidatul Izana Binti Mohd Taha dengan tajuk projek 'Survey Umbrella Holder'. Pertandingan ini melibatkan penyertaan daripada pelbagai institusi pengajian tinggi seperti universiti, politeknik dan institusi pengajian tinggi peringkat antarabangsa mengikut kategori masing-masing.

Pertandingan peringkat antarabangsa yang telah berlangsung selama sehari di Ancasa Hotel & Spa, Kuala Lumpur ini menyaksikan setiap pasukan bersaing untuk mendapatkan Anugerah Emas, Perak, Gangsa serta anugerah terbaik keseluruhan iaitu Anugerah Diamond mengikut kategori masing-masing. Amat membanggakan apabila kumpulan 'Kit Comp' telah berjaya menjadi salah satu kumpulan yang meraih Anugerah Emas serta telah menerima Anugerah Diamond dalam pertandingan kali ini. Kumpulan 'Survey Umbrella Holder' pula telah berjaya mendapat Anugerah Perak.

Hadiah berupa sijil dan plaque telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah Urusan Adinda Resources iaitu Encik Ammil Adzim bin Haji Dato Jasimi semasa majlis penutup pertandingan pada sebelah petang. Diharap kejayaan ini akan mendorong pensyarah untuk lebih bersemangat untuk mencapai kejayaan-kejayaan yang lebih cemerlang di peringkat yang lebih tinggi. Seterusnya menaikkan nama Politeknik Merlimau sebagai salah satu institusi pengajian tinggi yang berdaya saing dan tidak ketinggalan berbanding institusi pengajian tinggi yang lain di masa-masa akan datang.



Sesi penilaian oleh juri dan Sijil, Gold Medal dan Diamond Medal Awards



KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) HORIZON BAHARU POLITEKNIK MALAYSIA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2017

Sr Noor Suhaiza Binti Sauti

KIK merupakan mekanisme berkesan untuk membina modal insan kepada warga politeknik supaya berketrampilan tinggi dan berdaya saing dalam menghasilkan cetusan idea-idea yang kreatif dan inovatif dalam mana-mana aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti sesebuah organisasi.

Pada tarikh 14 hingga 16 Oktober 2017 bertempat di Hotel Permai, Kuala Terengganu telah berlangsung Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Horizon Baharu (KIKHB) 2017 di peringkat kebangsaan buat julung kalinya. Konvensyen KIK yang berlangsung selama 3 hari ini melibatkan 30 kumpulan KIK dengan jumlah 254 peserta dari seluruh Politeknik Malaysia.

Terdapat tiga kategori yang telah dipertandingkan iaitu Sosial-Penciptaan, Penyampaian Perkhidmatan-Penciptaan dan Penyampaian Perkhidmatan-Penambahbaikan. Politeknik Merlimau telah diwakili oleh dua kumpulan KIK iaitu Aspire (Jabatan Kejuruteraan Awam) dan Notre Grand (Kejuruteraan Elektrik) yang bertanding dalam kategori masing-masing. Ahli kumpulan Aspire terdiri daripada Sr. Noor Suhaiza Binti Sauti sebagai Ketua Kumpulan, Sr. Razali bin Johari (Fasilitator), Pn. Shahrul Hapizah Binti Musa, Pn. Noor Asmida Binti Abu Bakar, Pn. Noor Azidah Binti Abdullah dan Pn. Noraidawati Binti Nordin.

Pada majlis penutup dan penyampaian anugerah, kedua-dua kumpulan Aspire dan Notre Grand telah berjaya mendapat Anugerah Emas bagi projek masing-masing. Selain itu, kumpulan Aspire telah berjaya mendapat naib johan bagi Pameran Terbaik daripada keseluruhan kumpulan yang bertanding manakala kumpulan Notre Grand telah berjaya mendapat tempat ketiga bagi kategori Sosial-Penciptaan. Masing-masing membawa pulang hadiah bernilai RM300 dan RM1000 bagi setiap kategori yang dimenangi. Anugerah dan hadiah telah disampaikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP) iaitu Prof. Dato' Dr. Mohd Ismail Bin Abd Aziz.



.Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Horizon Baharu Politeknik Malaysia Peringkat Kebangsaan Tahun 2017.

.Bergambar bersama Ketua Pengarah JPP, Prof. Dato' Dr. Ismail Bin Abd Aziz.



Booth pameran kumpulan ASPIRE

'POLYTECHNIC DESIGN FEST 2017' "JIWA"

Noor Azidah Binti Abdullah

'Design Fest' merupakan acara dwitahunan bagi program Senibina politeknik-politeknik seluruh Malaysia. Program ini disertai oleh politeknik-politeknik yang menawarkan program Diploma Senibina dan kali ini, acara ini juga akan melibatkan Kolej Komuniti yang menawarkan program Senibina. Cadangan untuk menjadikan 'Design Fest' ini sebagai acara tahunan telah dicetuskan oleh Jawatankuasa Program Senibina Politeknik (JAPS) dengan sokongan sepenuhnya daripada Bahagian Pembangunan Kurikulum Dan Latihan Kerjaya, Jabatan Pengajian Politeknik. Program ini dianjurkan oleh setiap politeknik yang terlibat secara bergilir dan penggiliran ini telah diputuskan semasa mesyuarat JAPS. Politeknik Sultan Idris Shah, Sabak Bernam telah dipilih untuk menganjurkan 'Design Fest 2017' pada 15-18 November 2017. Tema bagi 'Design Fest 2017' yang dipilih oleh pihak penganjur adalah 'JIWA' yang bermaksud Jejak Inspirasi Warisan Arkitek yang berkisar kepada pembangunan masa hadapan dalam bentuk mengadaptasi budaya, persekitaran serta teknologi yang perlu dihadapi ke arah pembangunan yang lebih bestari. Program ini merupakan satu program dan aktiviti di luar kelas yang bertujuan untuk membentuk keseimbangan minda dan kemahiran pencapaian pelajar senibina, khususnya dalam menghayati penghargaan seni dan pedekatan lestari di dalam rekabentuk di kalangan pelajar Seni bina.

Di akhir penyertaan program 'Design Fest 2017' ini, pelajar dapat didedahkan dengan maklumat-maklumat mengenai keperluan rekabentuk serta idea baru yang boleh dijadikan panduan dan rujukan tambahan kepada pelajar di dalam proses P&P. Selain itu aktiviti-aktiviti yang disertai pelajar yang dianjurkan Urusetia bertujuan untuk pelajar merasai sendiri idea dan kreativiti serta kemahiran bekerjasama dalam kumpulan yang akan memberi impak positif kepada pelajar. Sepanjang program ini pelajar akan memperolehi pengalaman, kemahiran dan ketrampilan yang baik dan boleh dijadikan panduan di alam pekerjaan.

Gambar sekitar program yang disertai oleh Politeknik Merlimau yang merangkul pelbagai kejayaan yang membanggakan.

Aktiviti yang dijalankan secara berkumpulan dapat mengoptimumkan keyakinan diri dalam memupuk semangat bekerjasama serta bekerja dalam kumpulan di kalangan pelajar dan mendisiplinkan diri. Pasukan dari PMM yang diwakili oleh 26 pelajar Diploma Senibina bersama 3 orang pensyarah pengiring yang terdiri daripada Pn. Noor Azidah binti Abdullah, Pn. Nor Azilla Wati binti Zamri dan Pn. Noor Aini binti Mistar juga telah berjaya memenangi beberapa pertandingan LAGA iaitu:

1. LAGA RUANG – EMAS
2. LAGA PANJUT – PERAK
3. LAGA ARCA – PERAK



'PAM ANNUAL ARCHITECTURE STUDENT WORKS EXHIBITION 2017'

Amran bin Atan

Bertemakan 'Structura', PAM Architecture Student Works Exhibition kali ini berlangsung di One Utama, Kuala Lumpur pada bulan Oktober 2017 selama seminggu. Pelbagai acara dipertandingkan melibatkan 22 IPTA dan UA tempatan. Program yang dijalankan setiap tahun ini merupakan acara pertandingan yang disegani ramai oleh bakal-bakal arkitek.

Antara pertandingan terulung di pameran ini ialah pertandingan 'booth terbaik'. PMM berjaya meletakkan merangkul pingat gangsa pada kali ini. Dianggotai oleh 12 pelajar dan 2 pensyarah iaitu En. Shamsul Johari b. Shaari dan Pn Rozanah bt Ahmat Eskah mewakili PMM pada tahun ini. Pelajar PMM sentiasa teruja dengan anjuran PAM ini pada setiap tahun.

Selain melibatkan diri dalam pertandingan dan pameran ini pelajar didedahkan dengan ilmu pengetahuan secara tidak langsung ketika pameran dijalankan. Menerusi acara ini hubungan antara pelajar senibina seMalaysia juga semakin akrab dan ini memberi impak yang besar kepada kesinambungan ilmu kepada pelajar PMM.

Pendedahan program senibina Malaysia ini, mampu melonjakkan kemahiran dan pendedahan teknologi terkini kepada pelajar. Jalinan ini juga berjaya merapatkan hubungan antara PMM dengan IPTA dan UA yang lain. Daya kreativiti pelajar PMM juga setanding dengan produk pelajar lain pada anjuran kali ini. Syabas kepada pelajar senibina PMM.

Selain itu, PMM juga menghantar beberapa pelajar dari DSB sebagai AJK Urusetia kepada PAM dalam anjuran kali ini. Ianya bertujuan bagi memberi pendedahan kepada pelajar itu kelak dalam mengendalikan acara yang besar. Syabas sekali lagi kepada DSB dan semoga merangkul pingat berterusan dalam acara ini pada masa akan datang.



Gambar sekitar program yang disertai oleh 22 buah dari IPTA dan UA Malaysia. PMM tidak ketinggalan dalam memperolehi pingat dalam pertandingan rekabentuk senibina yang disegani ini.

'PROJEK MY BEAUTIFUL NEW HOME'

Mohd Khairolnizam Bin Yunos

Tempat latihan/sangkutan ini terletak di Lot 2982, Lipat Kajang, Jasin Melaka iaitu tapak projek bagi program My beautiful New Home. Tapak projek ini telah dianugerahkan oleh kerajaan negeri Melaka bagi pembinaan rumah mampu milik sebanyak 50 unit di tapak berkenaan. Ini selaras dengan peruntukan daripada kerajaan persekutuan di bawah kementerian kewangan bagi pembinaan rumah mampu milik dalam program MyBN Home. Tarikh Pembinaan pada 22 Ogos 2017 – 14 Nov 2017.

Sangkutan Industri Pensyarah (SIP) ini telah dijalankan bersama syarikat Ascension SDN BHD yang berpusat di Petaling Jaya, Selangor. Bermula pada 22 Ogos 2017 sehingga 14 November 2017 kami telah ditempatkan di tapak projek iaitu Lot 2982, Lipat Kajang, Jasin Melaka. Tujuan kami berada di situ bagi menjalankan dan melaksanakan projek My Beautiful New Home (MyBN Home).

Projek MyBN Home ini menyasarkan untuk menyiapkan sebanyak 50 unit rumah mampu milik bagi mereka yang tidak berkemampuan. Rumah yang dibina ini menggunakan teknologi IBS (Industrialised building system). Rumah yang berkeluasan 750kps, 3 bilik, 1 bilik air dan 1 tandas ini menggunakan teknologi formwork bagi membina struktur dan dinding rumah. MFE Formwork Technology SDN BHD adalah syarikat yang membekalkan aluminium formwork bagi tapak projek ini termasuk tenaga mahir.

Antara kerja-kerja yang dilakukan semasa SIP dijalankan adalah seperti berikut: Penyediaan tapak/slab bagi tapak rumah yang akan dibina, Kerja-kerja pemasangan aluminium formwork, Kerja-kerja pemasangan konduit dan kotak suis bagi pendawaian elektrik, Memasang BRC pada formwork, Proses penuangan konkrit, Kerja-kerja pembukaan acuan (formwork), Kerja-kerja pemasangan kekuda dan bumbung.

Sepanjang berada di Projek My Bn Home Lipat Kajang Jasin, pensyarah telah diberikan tugas: Menyelia pelajar yang terlibat didalam projek My Bn Home, Menguruskan pembinaan rumah My Bn Home dengan bantuan

Memantau keselamatan pelajar di tapak bina, Menjalankan perkongsian ilmu diantara pelajar, pensyarah dan syarikat Ascension, Bekerjasama membantu pihak kontraktor menyelesaikan masalah di tapak pembinaan.

Kesimpulan

Sangkutan Industri Pensyarah (SIP) yang telah dijalankan ini telah membuka minda pensyarah mengenai realiti pelaksanaan sistem IBS dan permasalahan kontraktor bumiputera dalam sistem pembinaan di Malaysia. Pensyarah juga bersetuju bahawa SIP ini banyak membantu pensyarah untuk menambahkan ilmu dan kemahiran berkaitan bidang. Semua pengalaman yang diperoleh dari tapak bina di Lipat Kajang ini akan menjadi nilai tambah dalam proses pengajaran pensyarah di kuliah sekaligus mencambahkan minat para pelajar untuk terus menguasai teknologi dan kepakaran dalam bidang pembinaan.



Gambar 1: Rakan-rakan SIP dan sebahagian pekerja di tapak bina.



Gambar 2: Pemasangan konduit dan kotak suis berdasarkan pelan elektrik.

Gambar 3: Sebahagian rumah yang dalam proses pembinaan.

PERTANDINGAN KEMAHIRAN POLITEKNIK, POLYSKILLS 2017

Mohd Khairolnizam Bin Yunos

World Skill Malaysia Belia (WSMB) merupakan pertandingan peringkat kebangsaan yang dianjurkan bertujuan memilih dan mengiktiraf belia dan pekerja mahir yang mempunyai kemahiran yang unggul dan berpeluang untuk mewakili Malaysia ke ASEAN Skills Competition (ASC) dan World Skills Competition (WSC) setelah mewakili proses saringan dan penilaian yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Kementerian Kerja Raya (KKR). Tarikh pertandingan ialah pada 24 – 26 September 2017. Tujuan pertandingan Polyskills dianjurkan adalah untuk memilih wakil pelajar politeknik yang berpotensi untuk mewakili Politeknik Malaysia ke ASEAN Skills Competition (ASC) dan World Skills Competition (WSC).

Objektif

PolySkills merupakan suatu jenama dan merupakan platform yang akan menaungi aktiviti-aktiviti pertandingan kemahiran di peringkat Politeknik Malaysia bertujuan; menggalakkan penyertaan lebih ramai pelajar dan pensyarah Politeknik dalam Pertandingan Kemahiran Politeknik, pemilihan pelajar untuk mewakili Politeknik Malaysia ke Worldskills Malaysia Belia, memperbaiki prestasi pasukan Politeknik Malaysia ke tahap yang lebih tinggi

Keputusan Penyertaan dari pelajar Program DKA: Bidang : Cabinet Making (Penyertaan keseluruhan 10 politeknik menyertai bidang ini)

Jurulatih : Hj Mubin Bin Minhaj

Mohd Nizamuddin Bin Mohd Dawang

Peserta : Mohd Izzi Syazrin Bin ab Razak – Rank No 5

Mohd Rohaizat Bin Jamil – Rank No 8

Bidang : Bricklaying (Penyertaan keseluruhan: 15 politeknik)

Jurulatih : Ahmad Faizal Bin Aziz

Peserta : Muhammad Zamri bin Abdul Razak – Rank No 6

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, penyertaan kali pertama dari program DKA dalam Polyskill Malaysia yang dinajurkan kali keempat ini telah memberi keputusan yang positif dan membanggakan. Ini kerana penyertaan kali pertama yang tanpa pengalaman dan pendedahan berjaya berada dalam kedudukan 10 terbaik dalam bidang yang disertai. Semoga untuk penyertaan tahun akan datang akan memberi impak dan keputusan yang lebih membanggakan kepada PMM dan Politeknik Malaysia.



Gambar 1: Rakan seperjuangan Polyskill 2017.

Gambar 2: Sewaktu acara pertandingan.

Gambar 3: Siap, menunggu keputusan pengadil.

PERTANDINGAN FOTOGRAFI TN50 ANJURAN UNIVERSITI MULTIMEDIA, CYBERJAYA.

Noraini bt Abu Bakar

Satu pertandingan *Digital Creative Content Creation Competition 2017* yang bertemakan *'Imagineering The Aspiration of TN50'* yang telah dianjurkan oleh pihak Universiti Multimedia, Cyberjaya selama lebih daripada sebulan dan tamat pada Oktober 2017. Pertandingan ini telah disertai oleh pensyarah dan pelajar senibina PMM dalam kategori fotografi.


Terdapat pelbagai kategori yang dipertandingkan pada anjuran kali ini. Ianya merupakan satu pertandingan secara terbuka oleh pihak yang berkenaan yang telah disertai oleh pelbagai lapisan masyarakat dan pelbagai latarbelakang. Ianya merupakan satu pertandingan yang begitu mencabar kemampuan kemahiran seseorang.

Terdapat lebih daripada 2000 penyertaan kategori fotografi ini berjaya memaparkan pelbagai idea, cerita dan teknik. Ia merupakan satu cabaran besar dan boleh dibanggakan kepada yang terpilih ke peringkat akhir.

Dengan bertemakan *Neon, Beca dan Melaka* serta *'Malaysian Night'* telah terpilih sebagai *'shotlisted'* akhir amat memberi inspirasi untuk pertandingan pada tahun hadapan. Diharap warga JKA dan PMM sedia menyahut cabaran terbuka oleh pihak penganjur yang diadili oleh juri profesional ini.

Acara penyampaian anugerah ini telah berlangsung pada jam 9.00 -11.00 malam di universiti berkenaan mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan dapat dilihat secara langsung menerusi laman *facebook*.

Syabas kepada pensyarah, En. Shamsul Johari b. Shaari dan pelajar senibina, Muhammad Fahmi Izzudin b Mohd Azhari kerana karya anda terpilih untuk peringkat akhir. Semoga ada kemenangan pada warga JKA dan PMM pada tahun hadapan.



Karya bertajuk *'Neon, Beca dan Melaka* serta *'Malaysian Night'* telah disertai pensyarah dan pelajar Politeknik Merlimau ini merupakan satu langkah pertama dan telah dipilih oleh juri profesional. Tahniah kerana *'shotlisted'*.

Galeri Buletin JKA Sesi Jun 2017



Isi Kandungan

Kata Aluan Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam.
kata Aluan Ketua Editor
Carta Organisasi Jabatan

Berita:

- a. International Intellectual Exposition (Ilex) 2017, Kuala Lumpur
- b. Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (Kik) Horizon Baharu Politeknik Malaysia Peringkat Kebangsaan Tahun 2017
- c. Polytechnic Design Fest 2017 “Jiwa”
- d. PAM Annual Student Exhibitions Workshop 2017
- e. Projek 'My Beautiful New Home'
- f. Pertandingan Kemahiran Politeknik, Polyskills 2017
- g. Pertandingan Fotografi TN50 Anjuran Universiti Multimedia, Cyberjaya
- h. Galeri Buletin Sesi Jun 2017

POLITEKNIK
MALAYSIA

**SOARING
UPWARDS**
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION



Jabatan Kejuruteraan Awam

Sesi Jun 2017